



**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA**  
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 547 I(1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)  
laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

**14** Ogos 2018

**SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERIAN SUBSIDI / INSENTIF LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA  
KEPADA JURUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2018**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) sentiasa prihatin terhadap keperluan Jurukur Tanah Berlesen (JTB) bagi meningkatkan keupayaan dan produktiviti JTB selaras dengan perkembangan teknologi ukur terkini.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga dalam mesyuaratnya yang ke-484 pada 25 Julai 2018 telah bersetuju untuk memberikan beberapa subsidi/insentif kepada JTB bagi tahun 2018 yang meliputi perkara-perkara berikut:

- i. **Perisian MapInfo beserta aplikasi penyediaan Pelan Pra Hitungan dan Pelan B2 – subsidi/insentif adalah berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksimum RM9,000;**
  - ii. **Alat Disto dan Rugged Tablet PC beserta perisian untuk pengukuran hakmilik strata – subsidi/insentif adalah berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksimum RM9,000; dan**
  - iii. **Kelengkapan pejabat dan peralatan ukur – subsidi/insentif berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksimum RM20,000**
4. Bersama ini disertakan syarat-syarat bagi permohonan pemberian subsidi/insentif tersebut sepertimana di Lampiran A.

5. Pihak Lembaga juga akan menjalankan kerja-kerja pengauditan dari masa ke semasa ke pejabat JTB bagi memastikan segala pemberian subsidi/insentif peralatan dan perisian yang telah diberikan oleh Lembaga berada di dalam kawalan JTB.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(SR ISMAIL BIN HARUN)

*Setiausaha*

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

s.k Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

**Syarat-syarat permohonan :**

1. Permohonan perlu disertakan dengan **tax inbois atau resit** daripada pembekal.
2. **Hanya pembelian yang buat pada dan selepas tarikh surat tawaran** akan dipertimbangkan untuk bayaran subsidi/insentif ini.
3. Permohonan ini perlu menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran A1 dan dikemukakan kepada Lembaga beserta gambar pada atau sebelum 15 Disember 2018.**
4. JTB tiada sebarang tunggakan hutang dengan LJT.
5. JTB tidak terlibat dalam siasatan atau sedang dalam tindakan tatatertib Lembaga.
6. Komitmen menghadiri program anjuran LJT dan JUPEM.

**LAMPIRAN A1**

**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN  
PEMBERIAN SUBSIDI / INSENTIF LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA  
KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2018**

1. Butiran JTB
  - 1.1 Nama :
  - 1.2 Nama Firma :
  - 1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian :  
(sila sertakan **TAX INVOICE** atau **RESIT** serta **GAMBAR** sebagai bukti)

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>No. Siri (Jika berkenaan)</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>

Bil	Perkara	No. Siri (Jika berkenaan)	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
Ringgit Malaysia :				JUMLAH TUNTUTAN :	

3. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....  
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :